

# 30 keluarga pindah

Air Sungai Chinchang naik hampir enam meter

Keadaan jalan dari arah Sepang ke Salak Tinggi terpaksa ditutup sementara.



Sebahagian penduduk yang cemas menunggu untuk dipindahkan ke pusat pemindahan banjir.

■ NURUL FIRDAUS KHAIRI

**SEPANG** - Hujan lebat sejak tengah hari semalam, menyebabkan beberapa kawasan di sekitar kawasan Sepang dinaiki air.

Kejadian sekitar jam 4 petang itu menyebabkan hampir 30 keluarga di Kampung Chinchang (terletak di Jalan Sepang menghala ke Salak Tinggi) cemas dan bertindak keluar dari rumah untuk menyelamatkan diri.

Ketua Balai Bomba KLIA, Yahya Mohd Sham berkata, pihaknya menerima panggilan kira-kira jam 4.18 petang apabila penduduk memaklumkan air sudah mula melimpah masuk ke dalam rumah.

Menurutnya, setibanya ke lokasi pihaknya sempat menyelamatkan 16 mangsa yang terperangkap dalam banjir berkenaan manakala selebihnya berjaya menyelamatkan diri ke kawasan tinggi

apabila paras air sudah mencecah paras pinggang.

"Pemeriksaan awal kami mendapati air di pinggir Sungai Chinchang yang bersebelahan penuh hampir enam meter dan menyebabkan melimpah ke 30 unit rumah berhampiran.

"Manakala penduduk yang terjejas terpaksa diarahkan berpindah segera dan kesemua mangsa ditempatkan di Pusat Pemindahan Banjir di Balai Raya Kampung Chinchang untuk sementara waktu," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Yahya memaklumkan buat masa ini hujan masih berterusan surut dan beberapa laluan dari arah Jalan Sepang ke Salak Tinggi terpaksa ditutup sementara.

Manakala kesemua mangsa masih diarahkan untuk tinggal di pusat pemindahan sementara sehingga banjir kembali reda.



Pendaftaran mangsa banjir di Balai Raya Kampung Chinchang, semalam berjalan lancar.